

BERITA HARIAN, ISNIN, 29 MAC, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

DEWAN RAKYAT BUBAR HARI INI

KUALA LUMPUR, Ahad — Dewan Rakyat dan semua Dewan Undangan Negeri, melainkan Sabah dan Sarawak, dengan rasminya bubar esok.

Pembubaran tersebut berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Ahad lalu bahawa Yang di-Pertuan Agong berkenaan membubarkan Dewan Rakyat pada hari esok.

Berikutan pengumuman tersebut, Menteri Besar dan Ketua Menteri telah mengadap Sultan dan Yang Dipertua Negeri masing-masing supaya memperkenankan pembubaran Dewan Undangan Negeri.

Suruhanjaya Pilihanraya mengumumkan pilihanraya umum akan diadakan pada 22 April, iaitu hari Khamis dan penamaan calon pada 7 April, hari Rabu.